



## MAJLIS BANDARAYA IPOH

### NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

NO SEBUT HARGA FAIL RUJUKAN TAJUK	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
<b>NO. SEBUT HARGA</b> S0103/19 <b>FAIL RUJUKAN</b> F4/5/1/19 <b>TAJUK</b> KONTRAK TAHUNAN UNTUK KERJA- KERJA MENYELENGGARA PREMIS UNTUK TEMPOH 12 BULAN (SEKTOR A1 - KEDIAMAN).  <b>Sebut Harga Yang Lewat Tidak Akan Diterima.</b>	(BUMIPUTERA) GRED G1 Kategori B Pengkhususan B04 dan Pengkhususan B24	<u>DARI TARIKH</u> 12 Sep 2019 (Khamis) <u>HINGGA</u> 19 Sep 2019 (Khamis) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 30.00 <u>TEMPAT</u> Bhg Bekalan Tkt 1, Jab. Perbendaharaan Majlis Bandaraya Ipoh <u>WAKTU URUSAN</u> Isnin - Khamis 08:00 pagi - 01:00 petang Jumaat 08:00 pagi - 12.15 tengahari	<u>TARIKH</u> 20 Sep 2019 (Jumaat) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI

2. Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen dan pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk **Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos** atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada syarikat atau wakilnya yang sah sahaja yang menunjukkan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Asal berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil (bagi bukan pemegang asal sijil).**

3. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjuru kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Bekalan, Tingkat 1, Jabatan Perbendaharaan, Majlis Bandaraya Ipoh.**

4. Majlis Bandaraya Ipoh tidak terikat untuk menerima dokumen sebut harga yang terendah atau sebarang dokumen sebut harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut harga setelah Peti Sebut harga dibuka.

5. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBI. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen sebut harga, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai sebut harga ini.

6. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan.

7. Laman Web: [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my)

MOHD SYAZLAN BIN MOHD ISA SUFFIAN, AMP  
PENGARAH PERBENDAHARAAN BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

MUHAMMAD HAFIZ BIN MUHYADDIN  
PENOLONG PENGARAH PERBENDAHARAAN (AM & BEKALAN)  
MAJLIS BANDARAYA IPOH